



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



TARIK TALI

1.0 PENGANJURAN & PENGELOLAAN

- 1.1 Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak

2.0 PERATURANAM

- 2.1 Selain daripada peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang tarik tali Persekutuan Tarik Tali Antarabangsa yang telah diluluskan oleh Persatuan Tarik Tali Malaysia.
- 2.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang asal akan dipatuhi.
- 2.3 Kejadian luar dugaan yang tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 2.3.1 Sebarang kejadian perkara-perkara bukan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.
 - 2.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada undang-undang tarik tali Persekutuan Tarik Tali Antarabangsa yang telah diluluskan oleh Persatuan Tarik Tali Malaysia.
- 2.4 Selain daripada peraturan diatas, **Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan** adalah berhak **MEMINDA/MENGADAKAN** peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran kejohananini.
- 2.5 Mematuhi Peraturan Tetap dan Peraturan Am KARNIVAL SUKAN DVS.
- 2.6 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah **MUKTAMAD**.

3.0 PENDAFTARAN

- 3.1 Setiap kontingen hendaklah mendaftarkan tidak lebih daripada **sepuluh (10)** orang peserta (**Lapan (8) orang Penarik** dan **Dua (2) orang Pemain Simpanan**) dan **Dua (2)** orang pegawai/jurulatih.
- 3.2 Pendaftaran nama-nama pemain, pegawai/jurulatih hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 3.3 Hanya pemain-pemain berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian.
- 3.4 Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan berhak meminta kad pengenalan bagi tujuan pengesahan/pemeriksaan kesahihan pemain pada bila-bila yang difikirkan perlu.
- 3.5 Kelayakan pemain (peserta) adalah seperti dalam **Peraturan Am Perkara 11**.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



TARIK TALI

3.6 Timbangan Peserta

- 3.6.1 **Tarikh Timbangan** : 21/02/2020
- 3.6.2 **Masa** : 05.00 Petang – 07.00 Petang
- 3.6.3 **Tempat** : DVS Negeri Perak
- 3.6.4 Setiap pasukan dikehendaki mengemukakan salinan Kad Pengenalan asal semua pemain semasa timbangandibuat.
- 3.6.5 Berat timbangan keseluruhan **lapan (8)** orang Penarik tidak boleh melebihi **Enam Ratus Lapan Puluh (680) kilogram** (tanpa kasut).
- 3.6.6 Tiada nilai maksimum bagi berat timbangan individu peserta penarik
- 3.6.7 Semasa timbangan, peserta simpanan juga akan ditimbang tetapi berat mereka tidak akan dijumlahkan bersama dengan jumlah berat keseluruhan pasukan.
- 3.6.8 Peserta mestilah berpakaian kemas semasa membuat penimbangan.
- 3.6.9 Berat badan yang diperolehi semasa tarikh penimbangan dijalankan adalah **berat badan rasmi untuk sepanjang pertandingan** dijalankan.
- 3.7 Penggantian tidak boleh dibuat setelah perlawanan dijalankan. Penggantian hanya boleh dibuat dengan peserta yang didaftarkan sahaja. Jika berlaku penggantian, jumlah berat mestilah tidak melebihi **Enam Ratus Lapan Puluh (680) kilogram**.

4.0 ACARA

- 4.1 Pertandingan akan dijalankan secara liga dan kalah singkir.
- 4.2 Pertandingan akan dijalankan secara LIGA dalam kumpulan sebagaimana terkandung didalam **Peraturan Am Perkara 15**.

4.3 Sistem Pertandingan

- 4.3.1 Riben berwarna merah akan diikat pada jarak **empat (4) meter** untuk menandakan pertengahan tali.
- 4.3.2 Penentuan kedudukan untuk setiap pasukan akan ditentukan melalui lambungan syiling oleh pengadil.

4.4 Cara penentuan pemenang

- 4.4.1 Sekiranya tali riben (marker) yang telah diikat di tengah-tengah melepas penanda garisan yang telah ditetapkan maka pasukan tersebut dikira menang.
- 4.4.2 Jika kedua-dua pasukan mendapat bilangan mata seri, pasukan dibenarkan berehat selama **lima (5) minit** sebelum tarikan ketiga dimulakan.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



TARIK TALI

4.4.3 Jika terdapat lebih daripada **satu (1) pasukan** mendapat jumlah mata yang sama, satu tarikan ulangan (sebanyak satu (1) tarikan) akan dijalankan untuk menentukan pemenang.

4.7 Setiap pasukan mestilah melaporkan diri kepada pengadil / Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan **tiga puluh (30) minit** sebelum acara bermula di gelanggang. Jika mana-mana pasukan gagal melaporkan diri **sepuluh (10) minit** selepas masa perlawanan sepatutnya dimulakan, pasukan itu akan dikira sebagai telah memberi kemenangan percuma ‘*walk over*’ kepada pasukan lawan dengan kiraan (2-0). Keputusan pengadil adalah muktamad.

4.9 Gelanggang pertandingan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan, gelanggang akan mengandungi **tiga (3) garisan**, jarak antara garisan adalah **empat (4) meter**.

5.0 KIRAAN MATA KEMENANGAN

- 5.1 Memenangi dua (2) tarikan berturut-turut (2 - 0).
- 5.2 Masing-masing memenangi satu tarikan (1 - 1), tarikan ketiga perlu dijalankan.
- 5.3 Memenangi tarikan ketiga (2 - 1).
- 5.4 Tiada mata diberikan jika kalah kedua-dua tarikan.

6.0 ARAHAN SEMASA ACARA

6.1 Pengadil tengah akan memberi arahan berikut:-

- 6.1.1 ‘ANGKAT TALI’
- 6.1.2 ‘TEGANGKAN TALI’
- 6.1.3 ‘SEDIA’
- 6.1.4 tiupan wisel pendek – MULA
- 6.1.5 tiupan wisel panjang – TARIKAN TAMAT
- 6.1.6 Tiupan wisel berturut-turut – TARIKAN DIBATALKAN / NOPULL

7.0 SALAH LAKU (INFRINGEMENTS)

7.1 Berikut adalah salah laku atau Infringements yang tidak dibenarkan:-

- 7.1.1 **Duduk (Sitting)** - Duduk di atas tanah dengan sengaja berturut-turut atau terlalu lama atau gagal kembali kepada posisi menarik setelah tergelincir.
- 7.1.2 **Menyandar (Leaning)** - Mana-mana bahagian badan (selain dari tapak kaki) menyentuh tanah atau penarik lain.
- 7.1.3 **Mengunci (Locking)** - Tindakan pegangan/ himpitan yang boleh mencegah tali dari bergerak.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



TARIK TALI

- 7.14 **Memegang tali (Grip)** - Kedua-dua belah tapak tangan mestilah mengadap ke atas.
- 7.15 **Menahan (Proping)** - Memegang atau kedudukan tali yang tidak melalui di antara badan dan bahagian tangan atas.
- 7.16 **Posisi (Position)** - Keadaan duduk di atas kaki atau betis sendiri, atau lutut/ peha penarik dibelakangnya atau kaki sendiri tidak melepas bahagian lutut.
- 7.17 **Manjat tali (Climbing The Rope)** - Memegang tali dengan cara membawa tangan satu per satu kehadapan secara bergilir-gilir sedangkan kaki bergerak.
- 7.18 **Mendayung (Rowing)** - Menarik tali secara duduk di atas tanah kemudian membawa kaki ke belakang dan ditakukan berturut-turut.
- 7.19 **Posisi Anchorman** - Tali mestilah melalui bawah lengan kanan, dinaikkan ke atas bahu kiri dan melalui tangan kiri. Hujung tali dilepaskan bebas ke sebelah luar kiri. Kedua-dua tangan adalah seperti lain-lainpenarik.
- 7.10 **Melepaskan tali** - Mana-mana pasukan yang berlawan dengan sengaja melepaskan tali yang boleh mengakibatkan kecederaan atau kesakitan terhadap pasukan lawan, boleh dibatalkan penyertaan (disqualification) pertandingan seterusnya.
- 7.11 **Tidak Bergerak (Inactivity)** - Kedua-dua pasukan tidak berusaha untuk menarik terus sehingga keadaan tali tidak bergerak dalam tempoh jangkamasa yang agak lama. Dalam keadaan ini, jika difikirkan perlu, pengadil boleh menghentikan tarikan pada bila-bila masa yang sesuai dengan keputusan TIADA TARIKAN atau NO PULL. Tarikan semula akan dibuat sama ada dilandasan yang sama atau di landasan baru.

8.0 AMARAN DAN PEMBATALAN

- 8.1 Satu-satu pasukan yang berlawan hanya akan menerima dua (2) kali amaran sahaja sekiranya melakukan sebarang tindakan salah laku yang dinyatakan (walaupun oleh penarik lain) sebelum dibatalkan dan diisyiharkan kalah pada satu-satu tarikan.

9.0 PENGGUGURAN KERANA GAGAL MEMATUHI PERATURAN

- 9.1 Mana-mana pasukan yang tidak boleh atau gagal mematuhi peraturan-peraturan yang digariskan, akan digugurkan dan tidak boleh menyertai acara yang dianjurkan.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



TARIK TALI

10.0 PAKAIAN

- 10.1** Pakaian - Jersi/ Baju Tarik Tali/ Bersesuaian
- 10.2** Seluar - Seluar pendek atau panjang yang bersesuaian
- 10.3** Tarikan Tanpa Kasut (Berkaki ayam)
- 10.4** Peralatan keselamatan - dibenarkan memakai tali pinggang keselamatan di bahagian luar jersi.
- 10.5** Pelapik badan – *Anchorman* tidak melebihi **lima (5) cm** ketebalan dan mesti berada dalam jersi.

11.0 KECEDERAAN, KEMALANGAN ATAU KEMATIAN

- 11.1** Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang bentuk kemalangan/ kecederaan (dalam/ luaran), kehilangan harta benda atau kematian (jika berlaku). Segala risiko adalah tanggungjawab sepenuhnya pasukan Kontinjen masing-masing.

12.0 PENGADIL

- 12.1** Jawatankuasa Pengelola akan melantik para pengadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan tertakluk kepada Peraturan Am.
- 12.2** Taip-tiap tarikan akan diadili oleh **Tiga (3) orang Hakim** dan keputusan Hakim adalah muktamad.
- 12.3** Laporan perlawanan akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawanan dijalankan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

13.0 DISIPLIN PASUKAN

- 13.1** Setiap pengurus pasukan dan jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan kelancaran perlawanan terganggu, tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pasukan tersebut berpandukan kepada laporan pegawai perlawanan dan pengadil perlawanan.
- 13.2** Lain-lain adalah sebagaimana terkandung di dalam Peraturan Am.

14.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI / MENYERAH KALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

- 14.1** Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara 18.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN
KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



TARIK TALI

15.0 JAWATANKUASA TATATERTIB / JURI RAYUAN

15.1 Sila rujuk Peraturan Am Perkara 21, Perkara 22 dan Perkara 23.

16.0 JADUAL PERLAWANAN

16.1 Jawatankuasa Pengelola akan menetapkan jadual perlawanan. Mana-mana pasukan tidak dibenarkan meminda mana-mana jadual perlawanan.

17.0 UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH

17.1 Sila rujuk Peraturan Tetap Perkara 12.

11.0 PEGAWAI YANG DIHUBUNGKAN

Nama	:	MOHD NIZAM B ZAMRE
Jawatan	:	Pengurus Pertandingan Tarik Tali
No. H/P	:	017-4068956
emel	:	sukandvs@gmail.com

Nama	:	
Jawatan	:	Timbalan Pengurus Pertandingan Tarik Tali
No. H/P	:	
emel	:	

Nama	:	
Jawatan	:	Setiausaha Pertandingan Tarik Tali
No. H/P	:	
emel	:	